

Pusat pameran terbesar Malaysia sedia diserah kepada kerajaan

[View](#) [Track](#)

EKONOMI

OLEH NORLAILI ABD RAHMAN DI KUALA LUMPUR - 22 NOV 2016 (15 HOURS AGO)

1 of 1



[Share](#) [1](#) [Tweet](#) [Share](#) [Pin](#)

Pusat Pameran dan Dagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC) telah dianugerahkan Perkuhan Siap dan Pematuhan (CCC) dan kini sedia untuk diserahkan kerajaan.

Pengarah Eksekutifnya NAZA TTDI Sdn. Bhd., Idzham Mohd. Hashim berkata, pusat pameran dan perdagangan terbesar di Malaysia itu menawarkan 11 dewan pameran, 10 bilik rehat dan tiga pusat media di setiap tingkat.

Bangunan tiga tingkat dengan keluasan lebih 1.5 juta kaki persegi itu mampu menampung 47,700 pelawat dalam susun atur tempat duduk gaya panggung dan 28,300 tetamu bankuet dalam satu-satu masa.

Setiap tingkat juga mempunyai ruang pungkah masing-masing untuk mengelakkan kesesakan.

Dewan pameran di tingkat paling bawah boleh memuatkan jentera berat seperti kereta kebal dan pesawat kecil, katanya.



"MITEC merupakan komponen utama KL Metropolis yang mana turut merangkumi hotel, kondominium, pusat membeli-belah dan taman awam.

"Pembinaan kondominium sedang berada di peringkat permulaan dan akan dilancarkan tidak lama lagi," katanya kepada pemberita selepas lawatan media ke MITEC di sini hari ini.

Sebagai pemaju, NAZA TTDI katanya, tidak bertanggung jawab untuk menguruskan tempat tersebut.

Pihak kerajaan akan melantik pengendali yg akan menguruskan MITEC selepas urusan penyerahan bangunan disempurnakan.

Beliau bagaimanapun enggan mengulas tarikh sebenar proses penyerahan bangunan tersebut kepada kerajaan akan dilakukan.

"MITEC dengan nilai pembangunan kasar (GDV) kira-kira RM20 bilion itu memberi sumbangan signifikan kepada keputusan kewangan NAZA TTDI, kata Idzham lagi.- MalaysiaGazette